

Banjir sebelum projek tebatan banjir siap

Banjir kilat dijangka berterusan di kawasan tengah bandar raya ini sehingga projek tebatan banjir Sungai Segget siap sepenuhnya menjelang Jun tahun depan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Nur Jazlan Mohamed berkata, Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) dan Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), perlu mengepam keluar air.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Pulai berkata, laluan ke tengah bandar raya juga perlu ditutup bagi mengelakkan kenderaan terperangkap selain memberi amaran kepada orang ramai.

“Menurut IRDA, pelebaran Sungai Segget akan siap Jun tahun depan. Jadi dari sekarang hingga Jun atau musim monsun bagi tempoh dua bulan ini, mungkin berlaku lagi banjir kilat.

“Yang penting ialah tindakan awal MBJB dan IRDA supaya mengepam air keluar, laluan trafik pula dihentikan untuk mengelak berlaku kerosakan kereta.

“Sekiranya ada kemungkinan berlaku banjir, kita kena maklumkan awal kepada pekerja pejabat dan penghuni supaya keluar,” katanya